# AKTIVITI PAK-21

## AKTIVITI *Table Cloth* / Alas Meja

| | |
|---|---|
| 5.3.2 | Memerihalkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan |
| 5.3.6 | Mengambil tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian |

**Tajuk**: Tindakan yang Wajar

**Objektif Pembelajaran**
- Murid dapat membezakan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.
- Murid dapat merancang tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian.

**Bahan dan Alatan**
- Kertas mahjung
- Pen penanda

**Langkah-langkah**
1. Letakkan dua helai kertas mahjung di atas dua buah meja.
2. Labelkan sehelai kertas mahjung dengan "Prinsip Keadilan" dan sehelai kertas mahjung dengan "Prinsip Keprihatinan".
3. Guru menulis soalan pada kedua-dua helai kertas mahjung (soalan yang sama).
4. Murid bergilir-gilir menulis jawapan mereka pada kertas mahjung berdasarkan prinsip.
5. Murid berbincang kewajaran membuat keputusan berdasarkan Prinsip Keadilan atau Prinsip Keprihatinan.

*Contoh:*

Encik Adnan melanggari lampu isyarat merah kerana hendak menghantar jirannya yang pengsan ke hospital.

Prinsip Keadilan

* Menyalahi undang-undang jalan raya

Encik Adnan melanggari lampu isyarat merah kerana hendak menghantar jirannya yang pengsan ke hospital.

Prinsip Keprihatinan

* Nyawa jiran perlu diutamakan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# AKTIVITI PAK-21



## AKTIVITI Main Peranan

7.1.2 Memberikan kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara
7.1.6 Menghayati dan mengamalkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara

**Tajuk:** Jom Mengundi

**Objektif Pembelajaran**
- Murid dapat memberikan kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- Murid dapat menghayati dan mengamalkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

**Bahan dan Alatan**
- Gambar beberapa calon untuk pemilihan AJK Persatuan Pendidikan Moral
- Kotak kertas undi

**Langkah-langkah**
1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan diberi peluang untuk memainkan peranan.
3. Murid diberikan tanggungjawab untuk memegang peranan sebagai petugas pilhan raya dan pengundi.
4. Murid diberikan masa untuk membuat persediaan.
5. Murid membuat persembahan dengan memainkan peranan yang telah diberikan. Proses pengundian harus berdasarkan tatacara mengundi yang betul.
6. Kumpulan yang menjadi penonton akan memberi maklum balas tentang main peranan yang dilakonkan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# AKTIVITI PAK-21

## AKTIVITI *Three Stray, One Stay*

7.2.2 Menjelaskan peranan agensi yang memupuk semangat perpaduan
7.2.6 Menghayati dan mengamalkan hidup bersatu padu dalam masyarakat majmuk

**Tajuk:** Tak Kenal Maka Tak Cinta

**Objektif Pembelajaran**
- Murid dapat menjelaskan peranan agensi yang memupuk semangat perpaduan
- Murid dapat mengahayati dan mengamalkan hidup bersatu padu dalam masyarakat majmuk

**Bahan dan Alatan**
- Logo agensi yang memupuk perpaduan
- Kertas mahjung
- Pen penanda berwarna biru dan merah

**Langkah-langkah**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat orang sekumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu logo agensi yang diwakili.
3. Setiap kumpulan berbincang dan menulis peranan agensi yang diwakili dalam bentuk peta minda.
4. Selesai perbincangan, ketua setiap kumpulan akan kekal di tempat masing-masing, manakala ahli lain akan mengunjungi agensi kerajaan lain.
5. Ketua kumpulan berperanan menyambut kedatangan rakan lain dan menerangkan kepentingan peranan agensi mereka kepada ahli kumpulan lain.
6. Sekiranya ahli kumpulan lain mempunyai idea tambahan boleh menulis dengan pen dakwat berbeza dalam kertas mahjung tersebut.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# AKTIVITI PAK-21



## AKTIVITI Persembahan

| |
|---|
| 7.4.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia<br>7.4.6 Mempraktikkan amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan seharian |

**Tajuk:** Mari Menari

**Objektif Pembelajaran**
- Murid dapat menghayati dan mempamerkan amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan seharian.
- Murid dapat menghayati dan mempraktikkan amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.

**Bahan dan Alatan**
- Sampul surat soalan

**Langkah-langkah**
1. Murid dibahagikan kepada enam kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu sampul surat soalan tentang tarian tradisional pelbagai kaum di Malaysia.
3. Setiap kumpulan akan berbincang gerakan tarian yang akan dipersembahkan. Murid akan diberikan masa untuk membuat persediaan.
4. Setiap kumpulan akan membuat persembahan tentang tarian yang dibincangkan.
5. Kumpulan lain akan meneka nama tarian tersebut.

*Contoh tarian tradisional Malaysia:*
- *Tarian Ngajat (Iban)*
- *Tarian Sumazau (Kadazan-Dusun)*
- *Tarian Zapin (Melayu)*
- *Tarian Kipas (Cina)*
- *Tarian Kolattam (India)*
- *Tarian Mak Yong (Melayu)*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.